



## KERATAN AKHBAR

SURAT KHABAR	:	SINAR HARIAN			
TARIKH	:	29/9/2019	MUKA SURAT	:	30
JABATAN	:	PERHILITAN			
KLASIFIKASI	:	<b>PERHATIAN</b>			

### ***Bomba selamatkan tapir betina dilanggar kereta***

**KUALA SELANGOR** - Seekor tapir betina seberat 300 kilogram cedera dilanggar sebuah kereta Perodua Axia di Jalan Bukit Cerakah, Puncak Alam di sini malam kelmarin.

Pengarah Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (Pehilitan) Selangor, Haidar Khan Mokbolhassan berkata, jabatan berkenaan menerima maklumat daripada anggota bomba yang tiba di lokasi kejadian.

"Tapir berkenaan berada di tepi penghadang jalan dan cedera pada beberapa bahagian badan. Penghadang jalan tersebut terpaksa dipotong bagi mengeluarkan haiwan itu," katanya.

Beliau berkata, pemandu kereta tidak mengalami sebarang kecederaan dan tapir itu kemudiannya dibawa ke Pusat Konservasi Hidupan Liar Sungai Dusun untuk rawatan lanjut.

Sementara itu, Ketua Bomba dan Penyelamat Zon Klang, Samsol Maarif Saibani berkata, sepasukan anggota dari Balai Bomba dan Penyelamat Kapar dikejarkan ke lokasi kejadian dan operasi menyelamat haiwan itu selesai dalam tempoh dua jam.



**Keadaan tapir betina yang cedera dilanggar kereta di Jalan Bukit Cerakah, Puncak Alam, Kuala Selangor kelmarin.**